

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	15/11/2019	MUKA SURAT	: 34
JABATAN	:	JPSM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

MAHKAMAH SESYEN
MAHKAMAH AJISTRE
BANDAI HARU

Tebang 111 pokok
Kontraktor tak mengaku ceroboh sebahagian Hutan Simpan Gunung Inas tanpa permit sah

Oleh Aizat Sharif
mohd.aizat@hmetro.com.my

Kulim

Ahli perniagaan yang juga kontraktor me-
ngaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kulim semalam, atas tiga pertuduhan menceroboh dan meneroka sebahagian Kompartmen 19 Hutan Simpan Gunung Inas September lalu. Tertuduh, Mohamad Raman Shariff, 43, meminta untuk dibicarakan selepas

pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Musyiri Peet.
Bagi pertuduhan pertama, tertuduh didakwa men-
lankan aktiviti pembinaan struktur bangunan iaitu se-
buah rumah bango, binaan bangunan batu-bata yang belum siap, kandang burung unta, bangsal rusa dan sang-
kar landak dalam Kompartmen 19, Hutan Simpan Gunung Inas tanpa permit penggunaan yang sah.
Tertuduh turut didakwa melakukan aktiviti penanaman pokok buah dan memelihara haiwan sebanyak 36 rusa, tiga burung unta serta tujuh landak dalam kawasan sama.
Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa men-
bang 111 batang pokok dari kawasan kompartmen sama seperti pertuduhan pertama tanpa kebenaran yang sah.
Tertuduh berdepan pertu-
duhan kedua pilihan yang mana tertuduh didakwa

membersihkan tanah dalam hutan simpan kekal de-
ngan niat mengusahakan tanah itu untuk dijadikan kawasan peliharaan haiwan dan penanaman pokok buah dalam kompartmen berke-
naan tanpa kebenaran sah.
Bagi pertuduhan ketiga, tertuduh didapati melepaskan ternakan iaitu empat kuda yang dibiarkan ber-
rak secara bebas dalam ka-
wasan kompartmen berke-
naan tanpa kebenaran sah.
Semua perbuatan dilaku-
kan pada 19 September 2019 sekitar jam 4 petang. Jus-
teri, tertuduh didapati me-
lakukan kesalahan mengik-
ut Seksyen 32(1), Seksyen 81(1)(a) dan Seksyen 81(1)(e) Enakmen (Pernakatan) Per-
hutanan Negara 1985 (Akta 313) kerana penduduk atau menjalankan aktiviti, melepaskan haiwan terna-
kan dan membersihkan dan membajak tanah di atas Hu-
tan Simpanan Kekal tanpa kebenaran sah.

Bagi pertuduhan pertama dan kedua, tertuduh boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 atau penjara se-
hingga lima tahun atau ke-
dua-dua jika sabit kesala-
han.
Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Perhutanan Seme-
nanjung Malaysia, Fazilah Mansor dan Mason Jaro Le-
nya Barayan manakala ter-
tuduh diwakili peguam, Jo-
han Jaaffar.
Pihak pendakwaan me-
mohon mahkamah mene-
tapkan RM20,000 sebagai jaminan kepada tertuduh namun johan mewakili anak guamnya meminta mahka-
mah mengurangkan jami-
nan kepada RM10,000 ke-
rana tertuduh mempunyai tanggungan keluarga.
Mahkamah memben-
kan jaminan terhadap ter-
tuduh dikurangkan kepada RM10,000 dan menetapkan 17 Disember depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

DAKWA ADA GERAN
Semakin pwn, dapati tanah dertroboh sepok lertarak dalam kawasan HSN

ZWI LIANI
Sejak lertarak dalam kawasan HSN

LAPORAN Harian Metro, 22 September lalu.

MOHAMMAD Razman dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kulim atas tuduhan menceroboh Hutan Simpan Gunung Inas.